# Struktur bangunan Kondominium Sri Duta 1 bermasalah

## Terdapat pergerakan tanah boleh jejaskan struktur bangunan

Oleh Safeek Affendy Razali dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) serta perunding dilantik pemaju mengesahkan struktur bangunan Kondominium Sri Duta 1, Taman Duta, di sini, bermasalah dan berisiko terjadinya runtuhan tanah yang lebih kritikal.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan, semalam, berkata ia berikutan terdapat tanda berlaku pergerakan tanah yang memberi kesan kepada struktur bangunan.

"Antara tanda itu adalah column (tiang) dengan dinding yang terpisah, rekahan permukaan akibat ketegangan di beberapa permukaan tanah dan keretakan di bawah lantai.

"Tanda ini menunjukkan keadaan di kawasan itu tidak selamat dan akan menimbulkan risiko kepada penghuni Kondominium Sri Duta 1 serta penghuni yang berada di tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) itu," katanya dalam kenyataan, seperti dilapor Bernama semalam.

DBKL berkata, terdapat empat blok yang terkesan membabitkan 34 unit kediaman dan penghuni dinasihatkan berpindah atas faktor keselamatan.

"Pihak Badan Pengurusan Bersama sudah mengosongkan unit penduduk yang terkesan sebagai tindakan awal bagi menghalang hakisan berterusan dan boleh menyebabkan pergerakan kepada pilecap.

"Kerja kerja pemulihan cerun dan bangunan dalam kawasan pemaju akan dilakukan segera dan disemak DBKL serta IKRAM," katanya.

Katanya, pada masa sama, IKRAM juga sedang memantau pergerakan tanah dan bangunan secara dekat.

Pada 18 Disember lalu, media melaporkan berlaku tanah runtuh di kawasan berhampiran kondominium Sri Duta 1 berikutan hujan lebat berterusan di Lembah Klang.

Sementara itu, tiada kesan rekahan baharu pada dinding dan lantai blok asrama lelaki di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak, di sini, selepas dilaporkan berlaku mendapan jalan serta tanah runtuh di kawasan berhampiran, malam kelmarin.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis, berkata ia hasil tinjauan dan pemantauan anggotanya bersama pihak UIAM serta IKRAM pada jam 9 pagi semalam.

"Malam tadi (kelmarin), 128 pelajar diarah mengosongkan asrama itu kerana kejadian berkenaan. Berdasarkan pemantauan, tiada rekahan baharu pada blok itu, namun kita nasihatkan mereka tidak berada di kawasan berkenaan sementara waktu ini. Kajian lanjut akan dibuat pihak berkuasa berkaitan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Selayang digerakkan ke lokasi itu sejurus menerima laporan kejadian pada jam 9 malam untuk melakukan pemantauan.

Saksi mengatakan kejadian tanah runtuh itu berlaku kira-kira jam 6.45 petang kelmarin ketika hujan lebat.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Beh Eng Lai, berkata tiga saluran bagi melencongkan air dipasang di kawasan Kondominium Sri Duta 1, Taman Duta, susulan kejadian tanah runtuh.

Kedudukan kondominium berkenaan yang terletak di aras paling rendah di kawasan sekitar menyebabkan aliran air tertumpu di kediaman berkenaan. Aliran air itu menyebabkan berlakunya hakisan tanah dan saluran lencongan air terpaksa dibina untuk mengeluarkan air daripada tanah runtuh berkenaan.

"Setakat ini langkah memasang saluran lencongan air itu terbukti berkesan sebelum tindakan selanjutnya dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan perunding Kumpulan Ikram Sdn Bhd (IKRAM)," katanya.

Beliau berkata berdasarkan pemeriksaan awal, ada kesan keretakan ditemui di bahagian asas struktur yang menyokong bahagian asas kondominium itu.

"Pihak pengurusan bersama JKR dan Ikram akan terus memantau keadaan kawasan sekitar kondominium berkenaan selain pihak polis juga turut melalukan pemeriksaan cerun setiap dua jam," katanya.



*Penduduk kondominium di Taman Duta, diarahkan berpindah akibat tanah runtuh pada 18 Disember lalu susulan hujan lebat di Lembah Klang.*
(Foto ihsan Bomba)

# 'Flooding in Chow Kit due to lack of resolve'

Star Metro Pg: 2 28-12-21 (Tuesday)

By C.Y. LEE
chenyoong@thestar.com.my



Fabrics left out to dry at a textile shop on Lorong Tiong Nam, Kuala Lumpur after the area was flooded recently.

A COMMUNITY activist is laying the blame for flooding woes in the Tiong Nam area of Chow Kit on the authorities.

Kepong Community Service Centre head Yee Poh Ping singled out the Drainage and Irrigation Department and Kuala Lumpur City Hall.

He said people have been told countless times that the authorities want to solve the problem, but after so many ministers and mayors have come and gone, the problem is still there.

The continuous heavy rain two weekends ago affected over 200 homes along with dozens of businesses in the area.

Yee said a number of flood retention ponds were located upstream of Sungai Gombak, which contributed to the increase of water into the river during a downpour and that the problem had been compounded by development in the city.

"This, along with other rivers like Sungai Batu and Sungai Klang feeding into Sungai Gombak had also led to other parts of the river spilling over due to the backflow in areas like Jalan Sultan Azlan Shah and Masjid Jamek.

"There are insufficient retention ponds, and the accumulation of sediment and rubbish at existing sites combined with the lack of cleaning has caused the depth to reduce, resulting in water spilling back into the river," he said after meeting residents there on their plight.

Yee suggested building an underground culvert tunnel to draw water from Sungai Gombak into the almost complete water retention pond near Jalan Parlimen, as well as increasing the height of the river walls by about 2m along Sungai Gombak to prevent flooding in high-risk areas.

"This method of drawing water away has proven to be successful in solving floods in Kepong since 2012.

"Changing the metal railings along Sungai Gombak from the World Trade Centre Kuala Lumpur to Bank Negara to higher concrete walls will give an added layer of security to those living in the Tiong Nam area," he said.

# KL mayor dissatisfied over slow flood clean-up



Mahadi (left) checking the situation at the Sungai Batu riverbank near Jalan Kasipillay, Kuala Lumpur.

KUALA Lumpur mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah shared his dissatisfaction with flood clean-up effforts in the city.

Despite Kuala Lumpur City Hall (DBKL) mobilising their assets and manpower to help, Mahadi was quoted on DBKL's social media that the progress was slow.

"This should not be the case in a city," he said.

Mahadi spent three hours on Sunday night visiting areas around Jalan Tiong Nam, Jalan Kasipillay, Jalan Kg Pasir and Lembah Pantai which were inundated two weeks ago.

Mahadi said there were piles of old rubbish that had not been cleared, which indicated that the cleaning efforts were not thorough.

He called for those involved in collecting the rubbish, specifically the cleaning contractors, to speed up the work.

"The rubbish comprised not only domestic and bulk waste from affected households, but also rubbish that had washed down the river and accumulated along the riverbanks," he said.

Mahadi also visited the Seri Duta 1 and Bangsar Indah landslide areas to get the latest update.





PENDUDUK di Apartmen Sri Duta 1, Kuala Lumpur (kiri) diarahkan berpindah selepas kediaman mereka diancam tanah runtuh akibat hujan lebat sejak minggu lalu, manakala gambar kanan menunjukkan keadaan asrama Mahallah Zubair Al-Awwam UIAM di Gombak yang turut dilanda situasi sama kelmarin.

Kejadian tanah runtuh, mendapan jalan ancam keselamatan lebih 200 penghuni

# Pelajar UIAM, penduduk diarah pindah

Oleh NOR AZIHAN MD. GHAZALI

**GOMBAK** – Hujan yang berterusan di Lembah Klang memaksa penghuni di dua lokasi mengosongkan kediaman masing-masing susulan kejadian tanah runtuh dan mendapan jalan di kawasan itu kelmarin.

Kejadian itu melibatkan 128 pelajar lelaki yang tinggal di Mahallah Zubair Al-Awwam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak dan 34 keluarga di Apartmen Sri Duta 1, Taman Duta di Kuala Lumpur.

Selain tanah runtuh, kejadian mendapan jalan pada keluasan lima meter persegi turut dikesan berlaku di Mahallah Ruqayyah selepas dilanda hujan lebat selama 45 minit.

Pengarah Bomba Selangor, Norazam Khamis berkata, sepasukan penyelamat dari Balai Bomba Selayang bergegas ke UIAM sebaik menerima maklumat pada pukul 9 malam.

"Tanah runtuh berlaku pada pukul 6.45 petang ketika hujan lebat dan pelajar diarahkan mengosongkan bangunan sertamerta.

"Setakat hari ini (semalam) tiada kesan rekahan baharu pada dinding atau lantai asrama. Bagaimanapun, pelajar masih belum dibenarkan pulang ke situ atas faktor keselamatan," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, proses pemindahan penduduk Apartmen Sri Duta 1 dilakukan selepas berlaku runtuhan ekoran hujan lebat sejak Sabtu lalu.

"Tanah runtuh dikesan berlaku pada bahagian bawah beberapa blok apartmen. Perbincangan antara Institut Kerja Raya Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (BDKL) dan pihak pengurusan telah dijalankan bagi mencari langkah penyelesaian," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Azmi Abu Kassim berkata, sebanyak 34 keluarga telah dipindahkan minggu lalu.

"Kerja-kerja pemantauan sedang dilakukan oleh DBKL setiap hari bagi mengukur pergerakan air dan tanah dan tiada pergerakan tanah dikesan setakat ini," katanya.

# Seri Duta 1 declared unsafe

## Occupants leave after structural damage, soil movement found

By FARID WAHAB and JAROD LIM
newsdesk@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** The Seri Duta 1 apartment complex in Taman Duta here has been declared unsafe for occupancy after structural faults within the building were found.

The faults were found when the Public Works Department (JKR) and Malaysian Institute of Public Works (Ikram) conducted checks on the building, said Kuala Lumpur City Hall (DBKL).

"There is also a risk of a more critical landslide in the area.

"There are signs of soil movement that could further affect the structure.

"Among them is the broken supporting column, as well as cracks above and below the building floor," DBKL said in a statement yesterday.

Photos circulating on social media showed a block of the apartment sitting precariously on a sliding hillside, believed to have been caused by the downpour last week.

DBKL added that four blocks comprising 34 residential units were affected and the occupants had been ordered to move out.

The area consists of 14 blocks, with each block having between three and six floors.

DBKL said works to strengthen the slope and building would commence soon but did not give any deadlines for completion.

A check by *The Star* saw two lorries carrying construction materials in the area, believed to be for strengthening works.

An aerial survey revealed several collapsed trees on the slope, next to a canvas used to cover the soil.

Sentul OCPD Asst Comm Beh Eng Lai said works had been carried out to divert excess water from the slope.

He said the condominium was located on lower ground, resulting in the soil there catching water runoff from the surrounding area.

"The building management is working with JKR and Ikram to monitor the situation," he said, adding that police would check on the area every two hours.

Benjamin Chan, a committee member of the residents' association, said stabilisation works at the slope would commence immediately.

"We are working closely with the authorities to address the soil movement on the hillslope surrounding our property.

"Precautionary and mitigation measures have been taken to prevent further damage," he added.

> Visit Star Online for pictures.